

## **Keberkesanan Pendidikan Prasekolah KEMAS dan Swasta: Perbandingan Mengikut Persepsi Ibu bapa**

**Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya,  
Jamaludin Ramli  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai Johor**

**ABSTRAK:** Kajian ini merupakan kajian tinjauan mengenai persepsi ibu bapa yang menghantar anak mereka ke institusi prasekolah swasta dan Tadika KEMAS. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pandangan ibu bapa terhadap guru KEMAS dan juga peralatan yang digunakan. Sampel kajian ini terdiri dari 90 orang ibu bapa yang menghantar anak mereka ke institusi pra sekolah swasta dan KEMAS di Taman Universiti, Taman Sri Pulai dan juga Taman Teratai. Penyelidik menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) bagi menganalisis data yang diperolehi dari kajian. Data dianalisis dengan membandingkan pendapat ibu bapa terhadap tadika KEMAS dengan tadika Swasta. Kajian ini dijalankan dari bulan Julai 2001 hingga September 2001. Dapatkan kajian mendapat terdapat perbezaan kecil di antara tadika Swasta dan tadika anjuran KEMAS. Perbezaan ini terdapat pada bahagian peralatan dan persekitaran KEMAS. Dari segi sikap guru, pengalaman guru serta tahap pendidikan guru menunjukkan bahawa kedua-duanya adalah sama.

---

### **Pendahuluan**

Apabila berkata tentang pendidikan prasekolah ia akan menjadi satu topik yang amat menarik kerana seakan menjadi trend masa kini di mana ibubapa berlumba-lumba untuk menghantar anak-anak ke institusi pra sekolah atau kindergarten yang menawarkan pelbagai pakej yang mampu untuk membentuk anak-anak ini menguasai ilmu yang sepatutnya bukan ditahap mereka.

Permintaan yang tinggi dikalangan ibubapa yang ingin anak mereka menjadi "brilliant" telah menyebabkan pelbagai institusi pendidikan prasekolah tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Di samping ia akan menuju ke arah persaingan yang sihat di kalangan institusi ini, ia juga akan menguntungkan ibubapa kerana mereka mempunyai banyak pilihan dan mampu memilih yang terbaik untuk anak-anak mereka.

Tetapi yang menjadi persoalannya sekarang institusi-institusi ini hanya untuk di kalangan mereka di bandar-bandar besar sahaja dan juga mereka yang berkemampuan. Bagaimana pula untuk mereka di luar bandar dan yang tidak berkemampuan?. Apakah hak anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan awal akan diabaikan. Kerana tidak berkemampuan maka anak-anak hanya diberikan pendidikan yang ala kadar, yang kadang-kadang tidak menjana minda mereka. Mereka yang berwang akan mendapat pendidikan gred A manakala yang tidak mampu hanya pendidikan gred C sahaja. Inilah realiti masa kini. Yang maju akan terus ke depan manakala yang terbelakang akan terus ketinggalan.

Kerajan ada menyediakan institusi pendidikan pra sekolah yang dikenali sebagai KEMAS dan Perpaduan. Tetapi dengan kemunculan institusi pendidikan pra

sekolah swasta telah meninggalkan impak yang amat besar kepada sistem pendidikan pra sekolah yang dibangunkan oleh kerajaan.

Meninjau dengan lebih dekat lagi kita akan menyedari bahawa terdapat jurang yang amat luas dalam pendidikan pra sekolah antara KEMAS dan swasta. Perbezaan ini amat ketara terutamanya dari segi kurikulum, guru, kemudahan & kelengkapan serta sumber kewangan. Kajian ini dibuat adalah untuk meninjau dua dari empat aspek utama ini bagi mencari satu resolusi bagaimana pendidikan pra sekolah ini dapat dipertingkatkan dan jurang antara KEMAS dan institusi swasta ini dapat dihapuskan atau dikurangkan. Dengan ini semua murid-murid akan mendapat peluang pendidikan yang sama rata dan tahap kebolehan antara satu sama lain tidak jauh berbeza tidak kira dia mendapat pendidikan awal dari mana, swasta atau kerajaan.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini adalah untuk meninjau kenapa begitu ramai di kalangan ibubapa masa kini amat gemar menghantar anak-anak mereka ke institusi pendidikan pra sekolah swasta berbanding ke tadika yang dianjurkan oleh kerajaan seperti KEMAS. Apa yang menyebabkan ibubapa ini tidak berminat menghantar anak mereka ke KEMAS, Sedangkan KEMAS hanya mengenakan bayaran yang minimum. Apakah tahap kemudahan yang disediakan adalah berbeza atau persekitaran menjadi agenda yang terpenting.

Kemampuan anak-anak menguasai sesuatu ilmu yang bukan ditahap mereka akan menjadi satu kebanggaan kepada para ibubapa sedangkan KEMAS mengajar sesuatu yang relevan dengan usia anak-anak ini. Persoalan ini akan menjadi pro dan kontra kepada ibubapa dan anak-anak. Kajian ini akan mengurangkan skop kajian dan cuba melihat kepada guru yang disediakan dan apakah ia juga menjadi penyebab kenapa ibubapa gemar menghantar anak mereka kepada swasta.

### **Objektif kajian**

- 1 Menentukan sejauhmana faktor peralatan yang disediakan oleh swasta mampu mempengaruhi ibubapa dalam memilih institusi parasekolah untuk anak mereka.
- 2 Mengenalpasti samada faktor persekitaran ke institusi prasekolah mempengaruhi ibubapa dalam memilih institusi parasekolah untuk anak mereka.
- 3 Mengkaji sikap guru tadika KEMAS dan swasta dari kacamata ibubapa.
- 4 Melihat samada personaliti guru KEMAS dan guru tadika swasta berbeza sehingga ibubapa tidak menghantar anak mereka ke tadika KEMAS

### **Kepentingan Penyelidikan**

Sebagai sebuah negara demokrasi yang berteraskan kepada keadilan, semua warganegara berhak mendapat taraf pendidikan yang baik tanpa mengira ras, agama, jantina, kekayaan dan lain-lain. Namun berdasarkan realiti yang ada di negara kita pada masa kini, ibubapa berpendapatan tinggi dan mereka yang tinggal dibandar tidak menghantar anak mereka ke institusi prasekolah anjuran kerajaan. Ibubapa ini terdiri daripada mereka yang tinggi ilmu pengetahuan. Adakah tadika anjuran kerajaan kurang menjamin tahap pencapaian anak-anak mereka. Sekiranya ia benar-benar berlaku, maka amat malanglah ibubapa yang berpendapatan rendah dan tinggal di luar bandar yang terpaksa menghantar anak mereka ke institusi anjuran kerajaan yang

pastinya mempunyai taraf pendidikan yang rendah jika dibandingkan dengan swasta. Kerana itulah kajian ini dilakukan dan ia mempunyai beberapa kepentingan iaitu: Membantu pihak tertentu (KEMAS, PERPADUAN dan lain-lain tadika swasta) mengenalpasti kemudahan yang diperlukan oleh kanak-kanak dari persepsi ibubapa. Mengenalpasti guru prasekolah yang diperlukan dari persepsi ibubapa. Memastikan agar kanak-kanak dari keluarga yang berpendapatan rendah juga menerima pendidikan setaraf dengan mereka yang berpendapatan tinggi melalui tadika anjuran kerajaan.

### **Batasan kajian**

Kajian yang dijalankan ini hanya terbatas kepada penduduk sekitar Taman Universiti, Taman Sri Pulai dan Taman Teratai di Skudai sahaja kerana kekangan masa. Namun begitu ia boleh diguna pakai di tempat-tempat lain berdasarkan kepada persamaan yang ada pada tadika anjuran kerajaan.

Selain dari itu kajian ini hanya terbatas kepada skop kemudahan serta guru yang disediakan. Perkara lain yang tidak dikaji adalah dari segi kurikulum dan sumber kewangan yang menjamin kepada kemudahan yang disediakan.

### **METODOLOGI**

Dalam bab ini , penyelidik akan menerangkan beberapa perkara mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan bagi kajian ini. Ianya adalah rekabentuk kajian, tempat kajian, sampel, instrumen, soalan rintis, item-item soalan serta analisis data yang bakal digunakan

#### **Rekabentuk Kajian**

Kaedah yang digunakan bagi menjayakan penyelidikan ini adalah dalam bentuk tinjauan. Untuk mengumpul maklumat, kami menggunakan kaedah soal selidik. Ia merupakan kaedah yang terbaik bagi mendapatkan pandangan dan persepsi tentang persoalan yang dikemukakan (Mohd. Najib, 1999).Rasional bagi kami menggunakan soal selidik adalah supaya responden kami mempunyai ruang masa yang cukup bagi menjawab persoalan yang dikemukakan. Selain dari itu ia memudahkan kami menganalisis data yang dikemukakan oleh ibubapa.

#### **Tempat kajian**

Kajian kami dilakukan di sekitar Taman Universiti, Taman Sri Pulai dan Taman Teratai, Skudai, Johor. Rasional kami melakukan kajian di taman-taman ini adalah kerana ia berdekatan dengan tempat tinggal kami. Selain dari itu terdapat banyak institusi prasekolah yang tumbuh bak cendawan selepas hujan di kawasan ini.

#### **Sampel Kajian**

Sampel kajian kami adalah terdiri dari 90 orang ibubapa yang menghantar anak mereka ke institusi pra sekolah swasta di kawasan yang telah disebutkan di atas. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak kelompok di mana kami memilih beberapa buah institusi pra sekolah swasta di sekitar Taman Universiti, Taman Sri Pulai dan Taman Teratai.

### **Instrumen kajian**

Soal selidik telah digunakan di dalam kajian kami. Soal selidik ini telah kami bina berdasarkan kepada persoalan dan objektif yang telah ditetapkan. Pada amnya ia terdiri dari dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A merupakan latar belakang responden dan bahagian B merupakan persoalan yang hendak dikaji.

### **Kajian Rintis**

Bagi mengesahkan isi kandungan dan kebolehpercayaan soalan, kami telah melakukan soalan rintis terhadap 5 sampel yang berada di kejiranan penulis. Hasil dari kajian menunjukkan hampir kesemua soalan yang dijawab oleh peserta mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dimana ia mencatatkan bacaan 1.0 manakala terdapat beberapa item berkenaan KEMAS mencatatkan bacaan .7071. (Soalan item ini digubah semula). Pengujian untuk menguji kebolehpercayaan soalan rintis adalah dengan menggunakan Program SPSS iaitu kaedah Alpha Cochran Chi-Square.

## **KEPUTUSAN**

Di dalam bahagian ini, keputusan yang diperolehi akan dibincangkan berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima dari responden yang menghantar anak mereka ke institusi pra sekolah sekitar Taman Universiti, Taman Teratai dan Taman Sri Pulai. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan program SPSS bagi mendapatkan nilai dengan menggunakan kaedah frekuensi serta kolerasi (Pearson) berdasarkan pandangan mereka terhadap institusi prasekolah anak mereka dengan institusi KEMAS. tadika KEMAS terdekat adalah 1.5133.

### **Peralatan yang digunakan oleh tadika swasta dan KEMAS**

Dalam bahagian ini, terdapat 12 item yang dikemukakan dimana ianya dibahagikan kepada peralatan yang digunakan oleh Tadika Swasta dan Tadika KEMAS. 12 soalan ini mempunyai 6 soalan yang tertumpu kepada KEMAS dan 6 soalan lagi tertumpu kepada tadika Swasta. Berdasarkan jadual 1 peralatan yang digunakan oleh tadika didapati bahawa nilai min tertinggi bagi swasta adalah 4.0222 iaitu “Penyediaan kerusi dan meja baik”. Bagi nilai min kedua tertinggi adalah “Terdapat kad yang tergantung” di tadika berkenaan. Min ketiga tertinggi bagi tadika swasta adalah “Peralatan yang digunakan mencukupi” dengan nilai 3.8889.

Bagi tadika KEMAS pula, nilai min tertinggi adalah 3.3000 iaitu “Bangunan yang digunakan selesa”. Min kedua tertinggi adalah 3.2111 bagi “Peralatan terkini digunakan”. Nilai min ketiga tertinggi bagi tadika KEMAS adalah 3.1778 bagi “Peralatan yang digunakan mencukupi”.

Daripada jadual 5, 6 dan 7 dapat diperhatikan bahawa nilai min terendah bagi swasta adalah 3.6333 iaitu “Peralatan untuk beriadah amat baik”. Bagi KEMAS pula, min terendah adalah “Kerusi dan meja amat baik” dengan nilai 2.9000.

**Jadual 1: Taburan Perbezaan Min Bagi Peralatan Yang Digunakan Oleh Tadika Swasta Dan KEMAS**

( N = 90 )

Perbezaan Min di antara peralatan yang digunakan oleh tadika Swasta dan KEMAS	SWASTA	KEMAS	Beza Min
Kerusi dan meja yang digunakan amat baik	4.0222	2.9000	1.1222
Peralatan yang digunakan adalah terkini	3.7667	3.2110	0.5557
Bilangan peralatan yang digunakan mencukupi berbanding jumlah kanak-kanak.	3.8889	3.1778	0.7111
Terdapat kad yang tergantung di dalam bangunan yang boleh menarik minat kanak-kanak	3.9444	3.1889	0.7555
Bangunan / Premis yang digunakan begitu selesa	3.8778	3.3000	0.5778
Peralatan untuk beriadah amat baik	3.6333	3.1444	0.4889
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.8556</b>	<b>3..1537</b>	<b>0.7019</b>

**Persekutaran Tadika Swasta dan KEMAS)**

Berpandukan kepada persekitaran tadika swasta dan KEMAS, di dapati nilai min tertinggi bagi swasta adalah 4.2111 iaitu “ Persekutaran selamat untuk kanak-kanak” manakala nilai min tertinggi untuk tadika KEMAS pula adalah 3.5667 iaitu bagi item “Jarak dari rumah berdekatan”. Min kedua tertinggi bagi tadika swasta adalah 4.1111 iaitu terdapat mural di dinding tadika berkenaan. Min kedua tertinggi bagi tadika KEMAS pula adalah 3.4444 bagi item persekitaran selamat untuk kanak-kanak.

Min ketiga tertinggi bagi swasta dengan nilai 3.8111 adalah “ Persekutaran tadika menggalakkan suasana Pengajaran dan Pembelajaran” manakala min ketiga tertinggi bagi tadika KEMAS pula adalah bagi item “ Persekutaran tadika sentiasa ceria dengan nilai minnya 3.3889. Min terendah bagi tadika Swasta adalah jarak dari rumah berdekatan dengan nilai 3.6111 manakala min terendah bagi tadika KEMAS pula adalah “ Kawasan beriadah mencukupi” dengan nilai 3.0889.

**Jadual 2: Taburan Perbezaan Min Bagi Persekutaran Tadika Swasta Dan KEMAS**

( N = 90 )

Perbezaan Min Bagi Persekutaran Tadika Swasta dan KEMAS	SWASTA	KEMAS	Beza Min
Persekutaran tadika sentiasa ceria	3.7000	3.3889	0.3111
Kawasan beriadah mencukupi	3.6667	3.0889	0.5778
Terdapat mural di dinding bangunan	4.1111	3.2778	0.8333
Persekutaran tadika menggalakkan suasana Pengajaran dan Pembelajaran	3.8111	3.1889	0.6222
Jarak dari rumah berdekatan	3.6111	3.5667	0.0444
Persekutaran selamat untuk kanak-kanak	4.2111	3.4444	0.7667
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.8519</b>	<b>3.3259</b>	<b>0.5260</b>

### **Perbezaan Sikap Guru Tadika Swasta dan KEMAS**

Bahagian ini mempunyai 8 item di mana setiap 4 soalan di sasarkan kepada guru KEMAS dan swasta. Merujuk kepada jadual 3, hasil daripada kaji selidik yang dijalankan terhadap sikap guru, nilai min tertinggi bagi tadika swasta adalah 4.1444 bagi item “ Personaliti guru menarik” manakala min kedua tertinggi adalah “ guru prihatin dan penyayang” dengan nilai 4.1111. Min tertinggi bagi tadika swasta pula adalah bagi item “Guru pandai menghias diri” dengan nilai 3.4667 manakala min kedua tertinggi adalah “ Personaliti guru menarik” dengan nilai min 3.2222.

Min terendah bagi tadika swasta pula adalah “ Guru memberi perhatian terhadap tugas” dengan nilai 3.4222 manakala min terendah bagi tadika KEMAS pula adalah bagi item yang sama dengan min 3.1222.

Merujuk kepada jadual 3 , segelintir kecil responden iaitu 7.9% tidak bersetuju terhadap guru tadika Swasta bagi item “Guru sentiasa memberi perhatian pada tugas” manakala seorang responden tidak bersetuju bagi item “Personaliti guru dapat menarik perhatian”. Bagi jadual 3, majoriti besar responden memilih tidak pasti bagi semua item. Hanya segelintir kecil yang menidakkan item-item tersebut. Bagi item “ personaliti guru menarik” dan “Guru pandai menghias diri” masing masing mencatatkan 30% dan 45.2 peratus responden memilih bersetuju tentang item tersebut bagi guru tadika KEMAS

**Jadual 3: Taburan Perbezaan Min Sikap Guru Tadika Swasta dan Tadika KEMAS  
( N = 90 )**

Sikap guru tadika Swasta dan KEMAS	SWASTA	KEMAS	Beza Min
Guru prihatin dan penyayang	4.1111	3.1667	0.9444
Guru memberi perhatian terhadap tugas	3.4222	3.1222	0.3000
Personaliti guru menarik	3.9000	3.2222	0.6778
Guru pandai menghias diri	4.1444	3.4667	0.6777
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.8944</b>	<b>3.2444</b>	<b>0.6500</b>

### **Perbezaan Pengalaman Serta Tahap Pendidikan Guru Swasta dan KEMAS)**

Bagi persoalan “Pengalaman dan tahap pendidikan guru”, nilai min tertinggi bagi tadika Swasta adalah bagi item “ Guru pandai mengambil hati pelajar” dengan nilai 4.2889 manakala min kedua tertinggi adalah bagi item “ guru tadika adalah seorang yang terlatih” dengan nilai 4.0556. Bagi tadika KEMAS pula, nilai min tertinggi adalah 3.4000 iaitu bagi item “ Guru tadika adalah seorang yang terlatih” manakala nilai min kedua tertinggi adalah bagi item “tahap pencapaian akademik guru mencukupi” dengan nilai 3.1889.

Nilai min terendah bagi tadika swasta pula adalah bagi item “ Guru tadika adalah seorang yang berpengalaman” dengan nilai 3.7444. Min terendah bagi tadika KEMAS pula adalah bagi item “ Guru berpengalaman” dengan nilai 2.8556.

**Jadual 4: Taburan perbezaan Min Bagi Pengalaman dan tahap pendidikan Guru Tadika swasta dan KEMAS  
( N = 90 )**

Pengalaman dan tahap Pendidikan Guru	SWASTA	KEMAS	Beza Min
Tahap pencapaian akademik guru mencukupi	3.8667	3.1889	0.6778
Guru tadika adalah seorang yang terlatih	4.0556	3.4000	0.6556
Guru pandai mengambil hati pelajar	4.2889	3.1778	1.1111
Kaedah kawalan disiplin berkesan	4.0000	3.2111	0.7889
Guru berpengalaman	3.7444	2.8556	0.8888
Min Keseluruhan	3.9911	3.1667	0.8244

#### **Analisis Keseluruhan Persoalan Kajian**

**Jadual 5: Perhubungan Di Antara Peralatan KEMAS dan Swasta**

Hubungan Swasta dan KEMAS	Nilai Korelasi	Aras Signifikan, p	Jumlah responden
	<b>0.039</b>	<b>.357</b>	<b>90</b>

*p < 0.05*

Jadual 5 di atas mewakili hubungan di antara kemudahan peralatan yang disediakan oleh tadika swasta dan tadika KEMAS. Hasil dapatan menunjukkan nilai p adalah 0.357 manakala paras signifikan adalah di bawah 0.05. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara peralatan yang digunakan oleh tadika KEMAS dan tadika swasta. Ini menunjukkan terdapat perbezaan di antara kemudahan yang disediakan oleh Tadika KEMAS dan tadika swasta dengan nilai korelasinya 0.039. Nilai ini menunjukkan bahawa perbezaan ini boleh dikatakan hampir tiada.

**Jadual 6: Perhubungan Di Antara Persekutaran Tadika Swasta dan KEMAS**

Hubungan Swasta dan KEMAS	Nilai Korelasi	Aras Signifikan, p	Jumlah responden
	<b>0.103</b>	<b>0.167</b>	<b>90</b>

*p < 0.05*

Berdasarkan jadual 6: Persekutaran Swasta dan KEMAS yang ditunjukkan di atas, paras signifikan, p adalah 0.167 dan melebihi paras signifikan 0.05. Ini menunjukkan terdapat sedikit perbezaan yang signifikan di antara persekitaran Swasta dan persekitaran KEMAS dengan nilai korelasinya 0.103. Tahap perbezaan ini amat rendah sekali untuk dijadikan sebab mengapa ibubapa tidak menghantar anak mereka ke Tadika KEMAS.

Jadual 7 di bawah mewakili hubungan di antara Sikap guru tadika KEMAS dan guru tadika Swasta. Hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai p adalah 0.042 di mana ianya di bawah paras signifikan 0.05. Dengan itu ia menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara guru tadika KEMAS dan Swasta.

Jadual 7: Perhubungan Di Antara Sikap Guru Tadika Swasta dan KEMAS

Hubungan Swasta dan KEMAS	Nilai Korelasi	Aras Signifikan, p	Jumlah responden
	<b>0.183</b>	<b>0.042*</b>	<b>90</b>

\* $p < 0.05$

Merujuk kepada jadual 8 di bawah, paras signifikan, p adalah 0.002 dan berada di bawah paras 0.01. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara guru tadika Swasta dan KEMAS. Nilai korelasi pula adalah 0.295 yang bermakna perbezaan ini berada pada tahap lemah.

Jadual 8: Perhubungan Di Antara Pengalaman Serta Taraf Pendidikan Guru Swasta dan KEMAS

Hubungan Swasta dan KEMAS	Nilai Korelasi	Aras Signifikan, p	Jumlah responden
	<b>0.295</b>	<b>0.002**</b>	<b>90</b>

\*\* $p < 0.01$

### Cadangan

Oleh kerana boleh dikatakan hampir tiada langsung perbezaan di antara guru dan kemudahan yang disediakan oleh Tadika KEMAS dan Tadika Swasta, maka sudah tentulah ada unsur lain yang mempengaruhi ibubapa menghantar anak mereka ke prasekolah swasta. Disebabkan skop kajian yang kecil, iaitu terhadap kemudahan dan guru sahaja maka penyelidik mencadangkan agar kajian dilakukan terhadap pembolehubah luaran iaitu kurikulum dan kaitan politik dengan persepsi ibubapa terhadap KEMAS.

Kemungkinan dua agenda ini menjadi faktor utama mengapa ibubapa tidak menghantar anak mereka ke Tadika KEMAS memandangkan aspek-aspek yang telah dibincangkan tidak memberikan perbezaan yang ketara. Selain dari itu, kemungkinan lain adalah disebabkan kurangnya populariti Tadika KEMAS adalah kerana tiada publisiti terhadap tadika ini. Ibubapa masih tertanya-tanya tentang tadika KEMAS. Berdasarkan maklumbalas yang didapati, ramai di antara responden yang memberikan maklumbalas “tidak pasti” terhadap soalan yang dikemukakan. Ini membawa maksud bahawa ibubapa mempunyai kurang maklumat terhadap tadika KEMAS.

Dengan ini dicadangkan agar kerajaan mengadakan publisiti secara besar-besaran terhadap KEMAS dengan memberikan maklumat yang jelas terhadap ibubapa berkenaan dengan kurikulum, kelayakan guru dan kemudahan yang disediakan oleh KEMAS.

Merujuk kembali kepada perenggan yang pertama, pihak berwajib sepatutnya mengengahkan beberapa perkara bagi menjelaskan keadaan sebenar tentang Tadika KEMAS terutamanya dari aspek yang mencatatkan perbezaan ketara iaitu kemudahan kerusi meja, keprihatinan guru Tadika KEMAS, pengalaman guru serta tahap disiplin pelajar tadika KEMAS.

### **Rujukan**

- Mohd. Salleh Bin Lebar (1995). Asas Psikologi Pendidikan. K.L : Utusan Publication & Distributions
- Mohd Daud Bin Hamzah (1996). Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran,K.L : Utusan Publications & Distributions.
- Rohaty Bt. Mohd Maizub dan Abu Bakar B Nordin (1994). Pendidikan Prasekolah, K.L : Fajar Bakti.
- Rozaimah Bt. Baharudin dan Salma Bt Ishak (1986). Panduan aktiviti Prasekolah, Selangor: Fajar Bakti.
- Hobart, Christine and Frankell,Jill (1994). A Practical Guide To Child Observation, U.K.: Stanley Thornes.
- Kamarudin Bin Hj. Hussin (1996). Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak, K.L : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Bt Abd. Rahman dan Kamariah Bt. Ibrahim (1993). Pengurusan pengelolaan Pusat Prasekolah, K.L: Fajar Bakti.
- Kementerian Pelajaran Malaysia: Laporan Seminar Kebangsaan pendidikan Prasekolah, 1981.
- Bee,H (1985) Developing Child, 4<sup>th</sup> Edition, New York: Harper and Row.
- Mohd. Salleh Bin Lebar ( 1996). Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia. Edisi Pertama, K.L.: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Habibah Ellias (1993). Kaeah Penyelidikan Pendidikan, Edisi Ketiga. K.L. : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Kamil Ayub (1995), “ Langkah-langkah Yang Perlu Diambil Bagi Menjamin Suasana Persekolahan Yang Sihat Dalam Penerapan Nilai-nilai Islam”” Jurnal guru, keluaran 7.